

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
(BERA)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah permohonan sijil halal setahun dan berapa jumlah yang diluluskan. Berikan jumlah syarikat yang telah mempunyai sijil logo halal terkini.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) serta kelulusan adalah sebagaimana Jadual di bawah :-

| Tahun | Bil. Permohonan | Bil. Kelulusan | Peratus (%) |
|----------------------|------------------------|-----------------------|--------------------|
| 2017 | 7,452 | 7,044 | 95 % |
| 2018 | 7,949 | 7,530 | 95% |
| 2019 (Jan - Sept) | 6,659 | 5,188 | 78% |

Jadual 1: Statistik SPHM 2017 – 2019

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data bagi tahun 2019 adalah daripada Januari hingga 25 September 2019. Jumlah 78 % peratus kelulusan bagi tahun 2019 masih agak rendah, ini adalah disebabkan permohonan masih dalam proses kelulusan dengan mengambilkira proses semakan dan pemeriksaan lapangan oleh Pihak Berkuasa Pensijilan serta tindakan pemohon.

3. Adapun, jumlah syarikat yang memiliki SPHM sehingga tarikh 25 September 2019 adalah sebanyak 12,843 syarikat.

Sekian, terima kasih.